

U 8921 DEB

1984

MAHATHIR - ISLAM 'R' 'R' 'R'

KEMAMAN, 8 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA UMNO SANGGUP MENYERAHKAN PADA BADAN-BADAN YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENENTUKAN + KEKAFIRANNYA + ATASAPA-APAALASANJUA, TETAPI BUKAN KEPADA PAS UNTUK MENENTUKAN SEWENANG-WENANGNYA.

PEREUATAN PAS YANG MENDAKWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO KAFIR ADALAH PERKARA YANG BESAR DAN UMNO PERLU MENGAMBIL LANGKAH MEMPERTAHAKAN DIRINYA.

KATANYA LANGKAH UNTUK MENGADAKAN PERDEBATAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK TIDAK AKAN MENENTUKAN SAMA ADA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO KAFIR ATAU TIDAK, TETAPI LANGKAH TERSEBUTDAPATMEMBERI PELUANG KEPADA RAKYAT MENDENGAR SERTA MELIHAT DENGAN SENDIRI + PUTAR-BELIT + PAS.

BERUCAP MERASMIKAN GERAK KERJA WANITA UMNO MALAYSIA DIPUSAT PUPUK SEMANGAT DI SINI, PERDANAMENTERI BERKATA PERKARA KAFIR-MENGKAFIRINI TELAH MENINGKAT SEHINGGA UMNO TIDAKBOLEHLAGI BERDIAM DIRI.

+ UMNO MESTILAH MEMPERTAHAKAN PENDIRIANNYA DAN MESTI MENYATAKAN YANG BENAR, DAN YANG BENAR ADALAH ORANG UMNO ADALAH ORANG ISLAM, + TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU SEDAR TERDAPAT BEBERAPA PIHAK YANG MENDESAK SUPAYA DEBATITU DIBATALKAN ATASALASAN IANYA TIDAK AKAN MENYELESAIKAN MASALAH DAN ADA JUGA YANG MENYATAKAN TAJUK ITU + HARAM +.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA IA TIDAK DAPAT MEMAHAMI KENAPA SOAL DEBATPATUT DIJADIKAN SASARAN.

+ APA YANG PENTINGBUKANLAH SOAL DEBAT ITU TETAPI SOAL DAKWAAN +PAS MENGKAFIRKAN UMNO +, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENGAKUI BAHAWA DEBAT ITU TIDAK AKAN DAPAT MENENTUKAN SAMA ADA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO KAFIR ATAU TIDAK TETAPI DENGAN CARA DEMIKIAN MASYARAKAT DAPAT MENDENGAR DAN MELIHAT +PUTAR-BELIT+ PAS.

BELIAU MENYATAKAN PAS SELAMA INI MENYANGKAL YANG IA ADA MELEMPARKAN TUDUHAN SEUMPAMA ITU KEPADA UMNO WALAUPUN UMNO MEMPUNYAI BUKTI DAN PITA-PITA UCAPANNYA.

PERDANAMENTERI BERKATA PERKARA TERSEBUT TELAH MENJAD'I BESAR DAN SAMPAI KE PERINGKAT DIMANA ORANG PAS TIDAK MAKAN SEMBELIHAN ORANG UMNO, INGINKANTANAHPERKUBURANBERASINGAN, MENGADAKAN SEMBAHYANG DENGAN DUORANG IMAM DAN MENGADAKAN UPACARA PERKAHWINAN SEKALI LAGI HANYA KERANA PERBEZAAN PENDIRIAN.

PAS, KATANYA, TELAH MENJALANKAN DAKYAH TERUTAMANYA DI KAMPUNG-KAMPUNG SEHINGGA MEMECAH-BELAHKAN MASYARAKAT ISLAM SERTA MENIMBULKAN KEADAAN TIDAK TENANG DAN KEGELISAHAN.

PERDANA MENTERI MENAMBAH WALAUPUN UMNO BOLEH MENGAMBIL LANGKAH BERBINCANG, BERHUJJAH DAN MENULIS DALAM AKHBAR, PAS TETAP AKAN MENYANGKAL BAHAWA IA TELAH MENGELUARKAN KENYATAAN YANG MEMUTAR-BELITKAN TERUTAMANYA KEPADA MASYARAKATKAMPUNG.,

+ PERJUANGAN UMNO SEKARANG BUKAN HANYA UNTUK MENYELAMATKAN ANGGOTA-ANGGOTANYA, TETAPI JUGA UNTUK MENYELAMATKAN ANGGOTA-ANGGOTA PAS DARIPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA SENDIRI, + JELASNYA.

BELIAU YANG MENSIFATKAN DAKWAAN KEKAFIRAN ITU SEBAGAI +MELAMPAUI BATASAN+ BERKATA PERKARA TERSEBUT TELAH BERLAKU BEBERAPA TAHUN DAN TIDAK ADA TINDAKAN YANG DIAMBIL.

TAMBAHNYA YANG PENTING SEKARANG BUKANLAH SAMA ADA UMNO BERPEGANG KEPADA AJARAN ISLAM, TETAPI SAMA ADA PAS MAHU MEMBUANG TABIAT YANG BURUK PADADIRINYA.

+ SEKIRANYA MEREKA SANGGUP MEMBUANG TABIAT YANG BURUK ITU PADA KETIKA ITU UMNO MUNGKIN MEMIKIRKAN TENTANG MENERIMA PAS, DAN BUKAN PAS MENERIMA UMNO, + KATANYA.

TAMBAHNYA SEKIRANYA PAS MEMEGANG TEGUH PADA AJARAN ISLAM, TIDAK AKAN TERJADI PERPECAHAN UMAT DAN TIDAK TERDAPAT +BOIKOT-MEMBOIKOT+ ANTARA UMAT ISLAM DAN MELEMPARKAN KATA-KATA YANG PEDIH KEPADA UMNO.

-- LAGI

1731MST 08 11 84

MAHATHIR -- ISLAM . KEMAMAN & 'S'

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MENJADI PENGETAHUAN UMUM BAHAWA SESEORANG ISLAM YANG MENGKAFIRKAN ORANG ISLAM LAIN AKAN SENDIRI MENJADI KAFIR APABILA DAKWAAN ITU DIDAPATI SALAH..

OLEH ITU PERJUANGAN UMNO JUGA BERTUJUAN MENYELAMATKAN ORANG PAS, TAMEAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERJUANGAN UMNO IALAH UNTUK MENEGAKKAN SATU MASYARAKAT YANG MENGAMALKAN NILAI-NILAI ISLAM DAN ANGGOTA PARTI PERLU MEMPERBAHARUI TEKAD MEREKA KE ARAH ITU.

TAMBAHNYA UNTUK MENGKAFIRKAN SESEORANG ITU MEMERLUKAN PROSES YANG TERTENTU YANG MELIBATKAN ORANG YANG BERPENGETAHUAN, BERILMU DAN BERKEDUDUKAN TINGGI DALAM MASYARAKAT.

+ HANYA GOLONGAN YANG BERILMU INI YANG BOLEH MENENTUKAN SAMA ADA SESEORANG ITU KAFIR ATAU TIDAK, + JELASNYA.

TAMBAHNYA DALAM NEGARA 'HANYA BADAN-BADAN TERTENTU SAHAJA YANG BOLEH MEMBUAT SEBARANG FATWA DAN MENENTUKAN' HUKUM-HAKAM

+ SOAL KAFIR-MENGKAFIR INI AMAT BERAT DAN UMNO TIDAK 'BOL-EH BERDIAM DIRI, + KATANYA.

BELIAU JUGA MENYATAKAN KAFIR-MENGKAFIRKAN SESUATU GOLONGAN ITU MESTILAH DENGAN CARA YANG BETUL DAN DENGAN ALASAN YANG DAPAT DITERIMA.

KATANYA SUDAH MENJADI TAKTIK PAS-UNTUK MEMBUAT DAKWAAN SEPERTI ITU LEBIH-LEBIH LAGI APABILA IA TIDAK DAPAT SESUATU YANG DIIDAMI.

+ INI DAPAT DIBUKTIKAN SEKIRANYA MASYARAKAT MELAYU MENYOROT KEMBALI DAN MENOLEH KE BELAKANG PERJUANGAN UMNO TERUTAMANYA SEMASA PAS MENGHADAPI KEKALAHAN YANG TERUK SEMASA PILIHAN RAYA DAN SEMASA PAS DI BAWAH PANJI-PANJI UMNO, + KATANYA.

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN + TAKTIK + PAS ITU SEBAGAI TAKTIK GOLONGAN YANG TAMAKKAN KUASA.

KATANYA PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS KINI SERINGKALI MENGAMBIL TINDAKAN MENYALAHKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN TERDAHULU DARIPADA MEREKA SEKIRANYA MEREKA GAGAL DALAM TAKTIK-TAKTIK MEREKA TERHADAP UMNO.

BELIAU MENSIFATKAN GERAK KERJA WANITA UMNO ITU SEBAGAI SESUATU YANG PENTING DALAM MENYEDIAKAN DIRI UNTUK MENGHADAPI MUSUH YANG TIDAK BERMARUAH.

BELIAU BERKATA PERPADUAN ORANG MELAYU AKAN MEMBAWA MENAFAAT KEPADA SEMUA ORANG ISLAM DAN GOLONGAN YANG LAIN.

+ TIDAK ADA LARANGAN BAGI SESEBUAH KERAJAAN ISLAM MELALUKAN ADIL KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK BUKAN ISLAM, + KATANYA.

LEBIH DARIPADA 400 ANGGOTA PERGERAKAN MENGHADIRI GERAK KERJA TIGA HARI ITU. -- BERNAMA

1818MST 08 11 84

D923